

MOU KERJASAMA BIDANG PERTANIAN MALAYSIA, DENMARK

Malaysia melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Denmark bagi membuka lembaran baru dalam kerjasama bidang pertanian kedua-dua negara.

MoU itu antara langkah ke arah menjadikan Malaysia mencapai tahap jaminan bekalan makanan lebih kukuh.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, Denmark negara yang mempunyai keluasan terhad, namun mampu menjadi antara pengeluar makanan utama dunia.

Beliau berkata, ini berikutan negara itu menggunakan teknologi inovatif, penggunaan tanah terancang serta gerakan koperatif yang berdaya saing.

"Antara bidang yang dikenal pasti untuk diberi tumpuan ialah kerjasama membangunkan industri tenusu di negara ini bagi mengurangkan ketergantungan terhadap susu import.

"Ketika ini, Malaysia mengimport susu bernilai RM2.8 bilion setahun. Ia termasuk hampir 20 juta liter susu cair terutama dari Australia dan New Zealand," katanya selepas MoU itu di Copenhagen, Denmark, baru-baru ini.

Ahmad Shabery mewakili kerajaan Malaysia manakala Denmark diwakili Menteri Alam Sekitar dan Makanannya Esben Lunde Larsen.

Menurutnya, peningkatan pengeluaran susu tempatan bukan sahaja penting untuk mengurangkan import, tetapi juga boleh

membantu menggalakkan rakyat Malaysia meningkatkan pengambilan susu terutama susu segar sebagai sumber protein dan nutrisi.

"Makanan memainkan peranan besar dalam pembangunan negara kerana penyediaan makanan yang berkhasiat akan menentukan tahap kecergasan fizikal dan kecerdasan minda generasi akan datang," katanya.

Ahmad Shabery yang dalam rangka lawatan dua hari turut berkunjung ke ladang dan kilang tenusu Arla Foods, sebuah organisasi koperatif Denmark yang mempunyai hampir 13,000 ahli.

Pendapatan tahunan negara berkenaan melebihi RM45 bilion dan antara pengeluar tenusu kelima terbesar di dunia



HARIAN METRO
4/10/2016

AHMAD Shabery (kanan) dan Esben menandatangani MoU.



AHMAD Shabery melihat ternakan di ladang dan kilang tenusu.